



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

**NAMA KURSUS : ASAS KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS : ETR2022
PEPERIKSAAN : JUN 2023
MASA : 2 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Daripada negara manakah asal perkataan "entrepreneur"?
 - A England
 - B Belanda
 - C Perancis
 - D Amerika

2. Joseph A.Schumpeter seorang ahli ekonomi menyatakan usahawan ialah
 - A seorang yang mencipta keuntungan.
 - B seorang yang mengurus kegiatan ekonomi.
 - C seorang pengambil risiko & mencipta keuntungan.
 - D seorang innovator yang boleh mengakibatkan kepada suatu pembaharuan.

3. Antara berikut, yang manakah **bukan** kompetensi keusahawanan yang terdapat dalam ujian kompetensi keusahawanan diri?
 - A Ketegasan.
 - B Keyakinan diri.
 - C Berorientasikan matlamat.
 - D Merancang dengan sistematik.

4. Antara berikut, yang manakah ciri penting yang dikongsi oleh usahawan berjaya?
 - A Personaliti yang berkarisma.
 - B Bersemangat dalam perniagaan.
 - C Keinginan untuk mengambil orang lain bekerja.
 - D Keinginan untuk memenuhi impian sepanjang hayat.

5. Pernyataan manakah yang berikut **bukan** mengenai kepentingan keusahawanan?
 - A Menggabungkan sumber ekonomi.
 - B Memberi cabaran kepada orang lain.
 - C Meningkatkan taraf sosial masyarakat.
 - D Menggunakan sumber-sumber yang ada secara optimum.

6. Berikut merupakan kesilapan yang banyak berlaku kepada usahawan dalam menjalankan perniagaan **kecuali**
- A kekurangan pengalaman.
 - B tidak menilai pencapaian.
 - C pengurusan yang tidak cekap.
 - D kawalan kewangan yang lemah.
7. Mark Elliot Zuckerberg merupakan ikon usahawan yang terkenal dalam bidang
- A hartanah.
 - B teknologi.
 - C penerbangan.
 - D perindustrian.
8. Apakah sumbangan usahawan kepada masyarakat?
- A Kelebihan daya saing kepada firma.
 - B Meningkatkan pendapatan isi rumah.
 - C Idea dan pembaharuan kepada firma.
 - D Meningkatkan kualiti kehidupan sosial.
9. Berikut merupakan cara sesebuah syarikat memperoleh kebijaksanaan kompetitif secara beretika **kecuali**
- A berbual bersama pelanggan.
 - B belajar web sesawang pesaing.
 - C membeli maklumat sulit pesaing.
 - D membeli produk pesaing untuk mengkajinya.
10.

<ul style="list-style-type: none">• Menjalinkan hubungan baik dengan pembekal• Menjamin kesinambungan perniagaan• Menarik pelaburan

- Pernyataan di atas merujuk
- A definisi etika perniagaan.
 - B kepentingan etika dalam perniagaan.
 - C prinsip-prinsip etika dalam perniagaan.
 - D prinsip-prinsip etika dalam perniagaan Islam.

11. Antara berikut manakah prinsip-prinsip etika dalam perniagaan?

- i. Toleransi
- ii. Kesetiaan
- iii. Kecekalan
- iv. Mematuhi undang-undang

- A i, ii
- B i, iii
- C ii, iii
- D i, ii, iv

12. Yang manakah kepentingan kreativiti dan inovasi dalam keusahawanan?

- i. Penerokaan kepada pasaran baru
- ii. Tercipta keluaran atau produk baru
- iii. Sumber-sumber tidak akan mempunyai nilai
- iv. Masyarakat akan tidak dapat menikmati kemajuan dan kesenangan hidup

- A i, ii
- B i, iv
- C ii, iii
- D iii, iv

13. Sudah lima hari Hamdi menghabiskan masa mencari penyelesaian kepada satu masalah. Hamdi mengambil keputusan keluar membawa keluarganya berkelah di tepi pantai dalam usaha untuk menyelesaikan masalahnya. Pada peringkat manakah Hamdi berada dalam proses kreatif?

- A Inkubasi
- B Verifikasi
- C Persediaan
- D Pengilhaman

14. Letchumi menyelaraskan proses pengumpulan idea dengan meminta ahli kumpulannya mengeluarkan sebanyak mungkin idea secara spontan tanpa membenarkan ahli mengkritik setiap idea yang dikeluarkan. Apakah nama kaedah ini?

- A Lontaran prototaip
- B Percambahan fikiran
- C Membuat peta minda
- D Analisis masalah inventori

15. Peningkatan bilangan wanita yang bekerja telah membuka banyak peluang perniagaan kepada usahawan seperti penyediaan pusat penjagaan kecantikan, penjualan barangan keperluan elektrik jimat masa yang dapat membantu suri rumah menguruskan rumahtangga dan agensi pembantu rumah.

Pernyataan di atas merujuk kepada persekitaran _____ yang menyebabkan permintaan terhadap beberapa jenis perniagaan.

- A teknologi
 - B pelanggan
 - C demografi
 - D masyarakat
16. Perniagaan manakah menunjukkan perniagaan milikan tunggal?
- A Firma Guaman Ramli dan Ratna
 - B Kedai Telekomunikasi Karen Bhd.
 - C Kedai Emas Zakaria & Sons
 - D Klinik Dr. Chandran

17. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan salah satu cara memulakan perniagaan. Apakah cara memulakan perniagaan tersebut?

Dr. Hatta ialah seorang pakar bedah jantung. Rakannya, Dr. Halina menjemput beliau menjadi rakan kongsi di sebuah hospital swasta yang akan dibuka tidak lama lagi.

- A Memulakan sendiri
- B Mengambil alih
- C Perkongsian
- D Warisan

18. Antara berikut, yang manakah **bukan** elemen penting dalam pembentangan rancangan perniagaan seseorang usahawan?
- A Masalah dan peluang perniagaan
 - B Kedudukan kewangan semasa
 - C Latar belakang usahawan
 - D Anggaran kewangan
19. Mengapakah promosi penting dalam proses pemasaran barangan pengguna?
- A Menghasilkan produk yang dapat memenuhi kehendak pengguna
 - B Menghadapi persaingan daripada bilangan pengeluaran yang ramai
 - C Menentukan harga dan saluran agihan yang sesuai
 - D Menjamin keuntungan yang tinggi
20. Encik Malik baru membuka sebuah perniagaan percetakan. Dia memperkenalkan perniagaannya dengan mengedarkan maklumat kepada kenalan dan rakan-rakannya. Apakah media pengiklanan yang akan digunakan?
- A Poster
 - B Surat khabar
 - C Kad perniagaan
 - D Halaman kuning

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Nyatakan **dua (2)** ciri utama usahawan yang berjaya. (2 markah)
- b. Terdapat banyak mitos yang sering dikaitkan dengan usahawan.

Terangkan **dua (2)** mitos di bawah:

- i. Usahawan ialah pelaksana bukan pemikir.
- ii. Usahawan dilahirkan bukan dibentuk. (4 markah)

SOALAN 2

Dari sudut nilai etika, apakah perkara yang perlu diberi perhatian supaya perhubungan antara usahawan dengan pekerja menjadi lebih baik? Bincangkan **dua (2)** pendapat anda. (6 markah)

SOALAN 3

- a. Apakah maksud inovasi. (2 markah)
- b. Keunikan merupakan salah satu faktor yang penting dalam sesebuah perniagaan. Hal ini disebabkan, idea perniagaan yang unik datang daripada pelbagai sumber. Bincangkan **dua (2)** sumber inovasi itu. (8 markah)

SOALAN 4

- a. Terangkan konsep perniagaan milikan tunggal. (2 markah)
- b. Senaraikan **dua (2)** kelebihan dan **dua (2)** kelemahan perniagaan milikan tunggal. (4 markah)
- c. Berikan **empat (4)** sebab seseorang menjual sesebuah perniagaan. (4 markah)
- d. Jelaskan **dua (2)** kelebihan apabila memulakan perniagaan sendiri. (4 markah)

SOALAN 5

Terangkan **dua (2)** peranan pembungkusan yang boleh menarik perhatian pelanggan untuk membeli produk tersebut. (4 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

Encik Usin merupakan seorang peruncit kecil-kecilan. Sahabat Encik Usin iaitu Encik Leman menjual buah-buahan secara kecil-kecilan di sebelah kedainya. Setelah beberapa kali perbincangan, akhirnya mereka bersetuju untuk menggabungkan perniagaan runcit dan buah-buahan. Mereka menubuhkan Kedai Runcit USMAN, iaitu gabungan nama mereka berdua. Mereka ingin mempromosikan gabungan perniagaan mereka itu supaya lebih dikenali dan supaya lebih ramai lagi pelanggan yang datang membeli. Oleh sebab gabungan kedai juga semakin besar, mereka berdua juga ingin membeli insurans bagi menjamin keselamatan dan melindungi perniagaan mereka.

Berdasarkan kepada situasi di atas, jawab soalan berikut:

- a. Apakah jenis pemilikan perniagaan dan siapa pemilikinya? (2 markah)
- b. Huraikan **empat (4)** kelebihan jenis perniagaan ini. (8 markah)

SOALAN 2

Cik Suzila telah menamatkan pengajian dari salah sebuah Universiti tempatan. Di selatan tanah air. Beliau masih tidak memperoleh sebarang pekerjaan selama hampir 10 bulan. Cik Suzila berhasrat ingin membuka perniagaan dalam industri pengeluaran sabun mandi herba di Pontian, Johor.

- a. Kenal pasti **empat (4)** isu penting dalam Rancangan Perniagaan yang perlu dititik beratkan oleh Suzila sebelum memulakan perniagaannya. (4 markah)
- b. Jelaskan **tiga (3)** sasaran pembaca Rancangan Perniagaan? (6 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT